

NOTIS PENUTUPAN SEMENTARA

Kepada Pelanggan-pelanggan SAINS yang dihormati,

PENUTUPAN SEMENTARA BEKALAN AIR DI SEBAHAGIAN KAWASAN SEREMBAN BERIKUTAN KERJA-KERJA PENGALIHAN PAIP DI JAMBATAN SUNGAI TEMIANG, JALAN TUN DR. ISMAIL SEREMBAN PADA 20 OKTOBER 2020

Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (SAINS) ingin memaklumkan kepada semua pelanggan kami bahawa SAINS akan melaksanakan penutupan sementara bekalan air yang dijangka akan mengakibatkan gangguan bagi beberapa kawasan di Seremban seperti yang dinyatakan di bawah. Maklumat penutupan adalah seperti berikut:

Tarikh : 20 Oktober 2020 (Selasa)
Masa : 8.00 pagi (20 Oktober 2020) – 8.00 pagi (21 Oktober 2020)

Maklumat kerja	Kawasan terlibat	Langkah Kontigensi
<p><u>Lokasi:</u> Jambatan Sungai Temiang, Jalan Tun Dr. Ismail, Seremban</p> <p><u>Jenis Kerja:</u> Pengalihan Paip bersaiz 600mm & 250mm</p>	<p><u>Sebahagian kawasan Seremban:</u> Seluruh kawasan Templer, Lobak, Jln. Temiang dan sebahagian Bandar Seremban.</p>	<p>Pengambilan air melalui lori tangki yang di sewa oleh pihak industri di Loji Rawatan Air Ngoi-Ngoi</p> <p><i>Akan dilaksanakan sekiranya gangguan melebihi 24 jam (selepas tempoh penutupan)</i></p>

- Langkah Kontigensi akan dilaksanakan sekiranya gangguan melebihi 24 jam (selepas tempoh penutupan).
- Pihak INDUSTRI hendaklah mengemukakan surat permohonan pengambilan air lebih awal kepada pihak SAINS dengan menyatakan jumlah trip dan kapasiti lori tangki yang disewa. Caj jumlah isipadu air yang diambil akan dikenakan mengikut kadar semasa.
- Lori tangki yang disewa oleh pihak INDUSTRI untuk mengambil air di 'Water Feeder Station' yang ditetapkan oleh pihak SAINS hendaklah terjamin kebersihan daripada sebarang pencemaran bagi memastikan kualiti air yang dibekalkan oleh SAINS tidak terjejas. Sebarang perubahan pada kualiti air SAINS akibat dari keadaan lori tangki yang disewa yang tidak mematuhi standard kualiti kebersihan dari pihak SAINS adalah dibawah tanggungjawab pihak INDUSTRI.

Bekalan air akan disambungkan semula selepas waktu yang dinyatakan dan dijangka pulih secara berperingkat. Walaubagaimanapun, beberapa kawasan tinggi dijangka akan mengalami tempoh pembaikan yang lebih lama. Untuk makluman, kerja-kerja ini merupakan antara usaha berterusan SAINS dalam menambah baik dan meningkatkan mutu bekalan air demi kepentingan para pelanggan pada masa hadapan.

Para pelanggan yang memerlukan bantuan boleh menghubungi kami ditalian bebas tol **1-800-88-6982** untuk mendapatkan sebarang bantuan lanjut.

Hjh. Norzita Binti Ismail
Ketua Bahagian Perhubungan Awam
Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd.